

23 NOV 1996

APEC: MAHATHIR MENYOKONG PERLUASAN KEANGGOTAAN

Oleh: Yong Soo Heong

MANILA, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menyokong kemasukan lebih banyak negara untuk menganggotai forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Katanya: "Jika kita sekat mereka, kita tidak boleh menyalahkan mereka jika mereka tidak memahami apa yang kita (anggota-anggota Apec) sedang lakukan.

"Dan mereka akan sangsi tentang apa yang kita lakukan dan mereka tidak dapat memberi sumbangan kepada apa yang kita lakukan. Selain itu, kita tidak akan dapat menerangkan kepada mereka tentang apa yang baik tentang sistem pasaran bebas dan mungkin juga demokrasi."

Ketika menjawab pertanyaan demi pertanyaan selepas menyampaikan ucapan utama pada penutupan Forum Perniagaan APEC di sini, Dr Mahathir memperlihatkan kepintarannya dengan menyelitkan unsur-unsur lucu yang mendapat sambutan hangat dan kadang kala gelak ketawa para hadirian.

Beliau berkata: "Jika Rusia, Ecuador atau Peru ingin menjadi anggota, kenapa tidak? Kita boleh perjelaskan kepada mereka dan mereka boleh menjelaskan kepada kita tentang mereka, kedudukan mereka sekarang dan di mana kita fikir mereka boleh perbaiki atau di mana kita boleh memperbaiki."

Dengan menyentuh secara meluas tentang tekanan yang dikenakan oleh sesetengah negara ke atas negara lain untuk meliberalkan pembukaan pasaran, terutama di negara-negara membangun yang miskin, beliau berkata:

"Kita diberitahu ia akan memberi faedah kepada kita jika barangan adalah murah dan rakyat kita boleh menikmati keluaran yang murah. Tetapi, anda akan ingat bahawa beberapa tahun lalu kita semua boleh dapat banyak barangan yang murah dari Jepun. Dan kemudian seseorang memutuskan untuk menolak naik nilai yen sebanyak dua setengah kali!"

Sebelum itu, katanya, seorang peladang biasa boleh membeli sebuah trak kecil pada harga yang berpatutan tetapi sekarang dia tidak lagi berkemampuan kerana nilai yen yang melambung begitu tinggi.

Mengenai amalan dagangan yang tidak adil, beliau mengambil dagangan tekstil dan pakaian sebagai contoh di mana negara-negara membangun dikenakan kuota oleh negara-negara maju.

Beliau berkata jika negara-negara tertentu mahukan orang lain membuka pasaran mereka, mereka sendiri mesti berbuat demikian ke atas pasaran mereka.

Dr Mahathir berkata adalah tidak masuk akal jika sesetengah negara maju berkata bahawa pasaran mereka terbuka kepada keluaran-keluaran tertentu yang tidak dikeluarkan oleh orang lain.

Menyentuh tentang sektor kewangan, beliau berkata terdapat juga ketidakseimbangan dari segi para pesertanya.

Sesetengah negara telah mencadangkan bahawa adalah baik untuk negara-negara membuka sektor kewangan mereka kerana langkah itu akan menjadikan industri berkenaan lebih cekap.

Beliau menambah: "Tetapi anda perlu mempunyai bank-bank yang besar dan kami hanya mempunyai bank yang kecil. Jadi walaupun kami boleh pergi ke negara anda untuk membuka (cawangan) kami tidak mempunyai wang untuk membukanya.

"Anda ada bank-bank yang besar yang datang ke negara kami dan membuka cawangan dan pejabat anda. Dan anda tidak bimbang untuk kerugian wang di negara kami kerana anda mengaut banyak wang di tempat lain. Jika kami kerugian di negara kami sendiri, tamatlah riwayat kami. Jadi itu tidaklah

satu perkara yang saksama untuk dilakukan."

Ditanya mengenai sejauh mana Malaysia menyokong Akta Teknologi Maklumat yang diketengahkan oleh Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak boleh memberi sokongan sepenuhnya.

"Kami boleh menyokongnya setakat ia tidak menyakiti kami. Kami diberitahu bahawa ia adalah baik untuk kami. Tetapi kami ingin mengkajinya. Kami pernah diberitahu bahawa sesuatu perkara itu baik untuk kami dan kami menerimanya tetapi kemudian kami dapati bahawa ia tidak baik untuk kami. Dan ianya sudah terlambat. Jadi berilah kami masa. Itu saja," tambahnya.

Beliau berkata bahawa dalam perniagaanpun, handikap mesti diberikan, seperti dalam permainan golf.

"Marilah kita akui bahawa sesetengah orang tidak sekuat orang lain," katanya, dan menambah kata bahawa isu itu tidak seharusnya ditolak sebagai hujah politik.

"Ia adalah perkara yang serius bagi kami negara-negara Asia, terutama sekali negara-negara kecil."

Dr Mahathir berkata bila sesetengah ekonomi APEC dijajahi dahulu, tiada siapa yang memberitahu mereka mengenai pengliberalan.

Tetapi sebaik sahaja mereka mencapai kemerdekaan, orang yang dianggap tidak layak untuk memerintah negara mereka sendiri itu diberitahu untuk menjalankan pemerintahan sebagai negara demokrasi, 100 peratus, semalaman dan ia tidak mungkin dilakukan, tambahnya.

"Saya hanya merayu kepada mereka (negara-negara maju); bahawa mereka juga mengambil masa yang lama (untuk maju)."

Sambil menyindir negara-negara berkenaan, Dr Mahathir berkata tidak lama dahulu semasa zaman Charles Dickens, sesetengah negara nampaknya memulakan pembangunan mereka dengan menggunakan buruh kanak-kanak.

Beliau menambah: "Memang benar, sekarang mereka tidak mempunyai (buruh kanak-kanak) tetapi mereka bermula secara itu. Kita tidak dibenarkan bermula sedemikian. Dan kita tidak mahu mula dengan cara itu.

"Sebenarnya, sesetengah daripada mereka bermula dengan hamba abdi. Saya ingin mempunyai hamba tetapi saya tidak dibenarkan! Jadi tolonglah jangan kenakan terlalu banyak syarat kepada kami."

Mengenai pendidikan, Dr Mahathir berkata ia memainkan peranan amat penting dalam pembangunan mana-mana masyarakat.

Dan, setelah mencapai kejayaan, beliau berkata budayalah yang akan menentukan sama ada mereka berjaya atau tidak.

"Jika budaya tidak merangsangkan kemajuan, maka mereka tidak akan berjaya," tambahnya.

Beliau berkata jika kerja kuat merupakan sebahagian daripada budaya seseorang, peluang untuk berjaya adalah jauh lebih baik daripada orang yang percaya bahawa "pekerjaan adalah membosankan dan anda harus rehat sebanyak yang boleh."

"Dan anda boleh dapati perkara sedemikian di sesetengah negara maju di mana jika cuacanya baik, anda berhenti bekerja dan rehat di bawah sinaran suria. Dan kemudian anda mengadu kenapa orang lain tidak berbuat demikian," tambahnya. -- BERNAMA

SHY SIA